

20 SEP 2002

Belanjawan-Pelancongan

DANA TABUNG KHAS PELANCONGAN DITAMBAH KEPADA RM400 JUTA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan menambah Dana Tabung Khas Pelancongan daripada RM200 juta kepada RM400 juta untuk membantu industri pelancongan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga meluluskan Dana Infrastruktur Pelancongan sebanyak RM200 juta bagi menggiatkan lagi usaha membangunkan industri itu.

"Kedua-dua dana ini diuruskan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur dengan kos pinjaman yang amat menarik," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata negara turut berjaya meningkatkan jumlah pelancong dengan lebih satu juta pelancong mengunjungi Malaysia setiap bulan dan bilangan itu dijangka terus meningkat iaitu melebihi 15 juta orang pada tahun depan.

Kerajaan akan mengadakan usaha promosi yang berlipat ganda termasuk kempen "Malaysia Truly Asia" yang akan ditumpukan terutamanya ke negara-negara Eropah, China, Australia, Jepun, India, Asia Barat dan pasaran serantau, katanya.

"Usaha untuk mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan yang selamat dan mesra pelancong akan juga diteruskan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata program akan ditumpukan kepada meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mempelbagaikan acara menarik seperti Karnival Jualan Mega dan Bulan Citrawarna serta menggalakkan lebih banyak acara Pelancongan Sukan sebagai acara tahunan selain program sedia ada iaitu Formula One Sepang, Le Tour de Langkawi dan yang terbaru, Formula One Powerboat.

Beliau berkata kerajaan juga berjaya menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan dengan tahun lepas, seramai 75,000 pelancong kesihatan mendapat rawatan di negara ini yang menjana tukaran asing sebanyak RM28 juta.

" Oleh itu, kerajaan akan memberi penekanan dan galakan untuk membangunkan lagi sektor ini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan memperkenalkan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan dan pusat membeli-belah dalam usaha mempromosikan negara ini.

Untuk itu, katanya Kuala Lumpur akan dicerahkan dengan lampu-lampu jalan dan lampu limbah serta diindahkannya dengan landskap serta tanaman bunga-bunga.

-- BERNAMA

HK AHH NAK